

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)


KONTINJEN PEJABAT TNC (P&I) MERIAHKAN PERARAKAN TOWN & GOWN 2017

Pada 07 Oktober 2017 telah berlangsung program Town & Gown 2017 bersempena Istiadat Konvokesyen ke-17 UTHM. Kontinjen Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Ezree Abdullah, Pengarah Pusat Hubungan Universiti dan Industri (PHUI). Ahli kontinjen lain terdiri daripada warga kerja Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E), Pejabat Penerbit dan Pejabat TNC (P&I). Ucapan terima kasih kepada semua staf yang memberikan sokongan dalam menjayakan perarakan Town & Gown pada tahun ini.



PROGRAM ROADSHOW DAN HARI BERSAMA PELANGGAN RMC DI KAMPUS PAGOH

Program Roadshow dan Hari Bersama Pelanggan RMC di UTHM Kampus Pagoh telah diadakan pada 22 Oktober 2017. Objektif program adalah untuk menyampaikan taklimat berkaitan pengurusan geran di universiti serta menawarkan perkhidmatan secara langsung kepada para penyelidik di Kampus Pagoh. Delegasi diketuai oleh Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis, Pengarah RMC. Turut hadir ialah pegawai dan staf daripada RMC dan Pejabat Bendahari. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah daripada Bahagian Pentadbiran Kewangan (BPK), Bahagian Geran Penyelidikan (BGP) RMC dan Unit Aset, Pejabat Bendahari.



SESI PENILAIAN PENCAPAIAN MyRA® SECARA BERPUSAT SESI KE-2 UTHM

Pada 26 Oktober 2017 telah berlangsung Sesi Penilaian Pencapaian MyRA®2016 Secara Berpusat Sesi ke-2 UTHM di The Everly, Putrajaya. Delegasi UTHM diketuai oleh Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Turut hadir Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis, Pengarah RMC dan beberapa pegawai dan auditee UTHM yang dilantik. Manakala panel auditor KPT diketuai oleh Dato' Profesor Emeritus Dr. Md. Ikram Mohd. Said. Seramai tujuh panel auditor KPT telah menilai data MyRA®2016 UTHM. Bagi pihak Sekretariat MyRA® UTHM, RMC merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berjasa dalam menyediakan serta menyumbangkan data MyRA®2016 UTHM. Semoga UTHM berjaya melonjakkan bintang ke aras yang lebih tinggi dari tahun sebelumnya.

